05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PENGARUH KEPIMPINAN GURU TERHADAP PENAMBAHBAIKAN BUDAYA SEKOLAH DI SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN DI DAERAH PETALING PERDANA

NURULAIN BINTI HAMZAH

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik pengaruh kepimpinan guru terhadap penambahbaikan budaya di Sekolah Rendah Kebangsaan di Daerah Petaling Perdana. Reka bentuk kuantitatif dengan pendekatan deskriptif secara tinjauan digunakan dalam kajian ini. Pemilihan sekolah dijalankan secara persampelan sistematik di mana 20 buah sekolah rendah kebangsaan telah dipilih di daerah Petaling Perdana, Selangor. Kaedah pensampelan rawak telah digunakan untuk memilih seramai 357 orang guru terlatih. Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini. Analisis deskriptif dilakukan untuk menjelaskan tahap kepimpinan guru dan tahap penambahbaikan budaya sekolah, manakala ujian regresi berganda dijalankan untuk menganalisis pengaruh antara pemboleh ubah. Dapatan kajian menunjukkan tahap kepimpinan guru dan tahap penambahbaikan budaya sekolah berada pada tahap tinggi. Analisis regresi pula menunjukkan kepimpinan guru merupakan faktor peramal yang memberikan sumbangan yang signifikan ($R^2$ = .539) ke atas penambahbaikan budaya sekolah. Namun, hanya dua komponen dalam kepimpinan guru merupakan faktor peramal bagi penambahbaikan budaya sekolah iaitu Pengajaran dan Pembelajaran ($\beta$ = 0.246 dan p = 0.00) serta Budaya Kerjasama ($\beta$ = 0.385 dan p = 0.00). Kesimpulan daripada kajian menunjukkan kepimpinan guru sememangnya mempengaruhi penambahbaikan budaya sekolah. Implikasi kajian diharap dapat memberi kesedaran kepada para guru bahawa kepimpinan guru meliputi konteks dalam dan luar sekolah serta dapat meningkatkan budaya sekolah yang positif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**THE INFLUENCE OF TEACHER LEADERSHIP ON IMPROVEMENT OF SCHOOL CULTURE IN NATIONAL PRIMARY SCHOOLS AT PETALING PERDANA DISTRICT**

## ABSTRACT

This study was conducted to identify the influence of teacher leadership on the improvement of school culture in national primary schools at Petaling Perdana district. Quantitative design using descriptive approach through survey method was used in this study. Using systematic sampling technique, 20 national primary schools in Petaling Perdana District, Selangor were selected in this study. Random sampling technique was used to select 357 trained teachers as subject for this study. The instrument used in this study was based on the School Culture Triage Survey (SCTC) instrument and the adapted Teacher Leadership Instrument Guiding Principles in Preparing Teachers for The Future instrument which had been validated using Item-level Content Validity Index (I-CVI). Descriptive analysis was conducted to identify the level of teacher leadership and school culture improvement, while multiple regression analysis was done to describe the influence of variables. Findings showed that the level of teacher leadership and the level of school culture improvement were high. Regression analysis result showed that teacher leadership was a predicting factor that contributed significantly ($R^2 = .539$) to the school culture improvement. However, only two components of the teacher leadership were identified as predictors of the school culture improvement, which were Teaching and Learning ($\beta = 0.246$ and $p = 0.00$) and Collaboration Culture ($\beta = 0.385$ and $p = 0.00$). The study concluded that teacher leadership significantly influenced school culture improvement. It is hoped that this study will create awareness among teachers that teacher leadership includes both the internal and external contexts of school and enhance the positive culture of the school.

.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# KANDUNGAN

| | Muka surat |
|---|---|
| **PENGAKUAN** | ii |
| **PENGHARGAAN** | iii |
| **ABSTRAK** | iv |
| **ABSTRACT** | v |
| **KANDUNGAN** | vii |
| **SENARAI JADUAL** | xiv |
| **SENARAI RAJAH** | xvii |
| **SENARAI SINGKATAN** | xviii |
| **SENARAI LAMPIRAN** | xix |
| **BAB 1 PENGENALAN** | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Masalah | 3 |
| 1.3 Penyataan Masalah | 7 |
| 1.4 Tujuan Kajian | 10 |
| 1.5 Objektif Kajian | 10 |
| 1.6 Persoalan Kajian | 12 |
| 1.7 Hipotesis Kajian | 13 |
| 1.8 Kerangka Konseptual | 14 |
| 1.9 Kepentingan Kajian | 17 |
| 1.10 Batasan Kajian | 19 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1.11 Definisi Operasional 20

1.11.1 Kepimpinan Guru 20

1.11.2 Kepimpinan Melalui Penambahbaikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar 21

1.11.3 Kepimpinan Melalui Kemahiran Kepimpinan 22

1.11.4 Kepimpinan Melalui Pembangunan Organisasi 22

1.11.5 Kepimpinan Melalui Budaya Kerjasama 23

1.11.6 Kepimpinan Melalui Hubungan dan Kerjasama dengan Komuniti dan Pihak Luar 24

1.11.7 Kepimpinan dengan Menjadi Teladan yang Terbaik dan Pemimpin yang Dirujuk 25

1.11.8 Penambahbaikan Budaya Sekolah 26

1.11.9 Kolaborasi Profesional 27

1.11.10 Hubungan dengan Rakan Sejawat 27

1.11.11 Efikasi Diri 28

1.12 Kesimpulan 29

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan 30

2.2 Sejarah Kepimpinan Guru 31

2.3 Konsep Kepimpinan Guru 33

2.4 Kepimpinan Guru 35

2.5 Model Kepimpinan Guru 37

2.5.1 Model Kepimpinan Guru (Danielson) 38

2.5.2 Model Standard Pemimpin Guru 41

2.5.3 Model Kepimpinan Guru (York-Barr dan Duke) 42

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



2.5.4 Model Sfera Kepimpinan Guru untuk Pembelajaran 44

2.6 Komponen dalam Kepimpinan Guru 46

2.6.1 Kepimpinan Melalui Penambahbaikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar 50

2.6.2 Kepimpinan Melalui Kemahiran Kepimpinan 52

2.6.3 Kepimpinan Melalui Pembangunan Organisasi 53

2.6.4 Kepimpinan Melalui Budaya Kerjasama 54

2.6.5 Kepimpinan Melalui Hubungan dan Kerjasama Dengan Komuniti dan Pihak Luar 55

2.6.6 Kepimpinan dengan Menjadi Teladan yang Terbaik dan Pemimpin Dirujuk 57

2.7 Penambahbaikan Budaya Sekolah 58

2.8 Model Penambahbaikan Budaya Sekolah 63

2.8.1 Kolaborasi Profesional 65

2.8.2 Hubungan dengan Rakan Sejawat 66

2.8.3 Efikasi Diri 67

2.9 Kajian-kajian Berkaitan 71

2.9.1 Kajian Kepimpinan Guru di Malaysia 71

2.9.2 Kajian Kepimpinan Guru di Luar Negara 75

2.9.3 Kajian berkaitan Penambahbaikan Budaya Sekolah di Luar Negara 79

2.9.4 Kajian berkaitan Penambahbaikan Budaya Sekolah di Malaysia 81

2.9.5 Kajian Kepimpinan Guru dan Penambahbaikan Budaya Sekolah di Luar Negara 84

2.9.6 Kajian Kepimpinan Guru dan Penambahbaikan Budaya Sekolah Malaysia 88


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2.10 Rumusan 91

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan 93

3.2 Reka bentuk Kajian 94

3.3 Populasi Kajian 95

3.4 Persampelan Kajian 97

3.5 Instrumen Kajian 103

3.6 Prosedur Kajian 106

3.7 Kajian Rintis 107

3.8 Kesahan Kandungan 108

3.9 Kebolehpercayaan Instrumen 112

3.10 Dapatan Kajian Rintis 114

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.11 Analisis Faktor Eksploratori (EFA) 116

3.11.1 Analisis Faktor Pemboleh Ubah Kepimpinan Guru 119

3.11.2 Nilai Keseragaman Item-item Kepimpinan Guru 120

3.11.3 Jumlah Varian bagi Pemboleh Ubah Kepimpinan Guru 122

3.11.4 Putaran Varimax untuk Pemboleh Ubah Kepimpinan Guru 124

3.11.5 Pengguguran Item Selepas Putaran Varimax dalam Pemboleh Ubah Kepimpinan Guru 125

3.12 Tatacara Pengumpulan Data 126

3.13 Tatacara Penganalisisan Data 127

3.13.1 Analisis Deskriptif 128

3.13.2 Analisis Inferensi 129

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



3.13.2.1 Analisis Regresi Berganda 130

3.14 Kesimpulan 134

**BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS DATA KAJIAN**

4.1 Pengenalan 135

4.2 Data-data Deskriptif 137

4.2.1 Profil Responden Kajian 137

4.2.2 Analisis Data-data Pemboleh Ubah (bilangan, skor min, sisihan piawai dan tahap bagi setiap pemboleh ubah 138

4.2.2.1 Tahap Kepimpinan Guru 138

4.2.2.2 Tahap dalam Elemen Penambahbaikan Budaya Sekolah 147

4.3 Analisis Inferens (Regresi) 152

4.3.1 Pemboleh Ubah Kepimpinan Guru yang Menyumbang Kepada Penambahbaikan Budaya Sekolah 153

4.3.2 Pengesanan Normaliti dan Multikolineararitі Pemboleh Ubah Kepimpinan Guru 154

4.3.3 Pengaruh Kepimpinan Guru Terhadap Penambahbaikan Budaya Sekolah 157

4.3.4 Faktor dalam Kepimpinan Guru yang Mempengaruhi Penambahbaikan Budaya Sekolah 159

4.4 Kesimpulan 162

**BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan 164

5.2 Ringkasan Kajian 165

5.3 Perbincangan 167

5.3.1 Tahap Kepimpinan Guru 167


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



5.3.1.1 Tahap dalam Pengajaran dan Pembelajaran 168

5.3.1.2 Tahap Kemahiran Kepimpinan 171

5.3.1.3 Tahap Membangunkan Organisasi 174

5.3.1.4 Tahap Budaya Kerjasama 176

5.3.1.5 Tahap Hubungan dan Kerjasama dengan Komuniti 178

5.3.2 Tahap Penambahbaikan Budaya Sekolah 180

5.3.2.1 Tahap Kolaborasi Profesional 181

5.3.2.2 Tahap Hubungan dengan Rakan Sejawat 183

5.3.2.3 Tahap Efikasi Diri 184

5.3.3 Pengaruh Kepimpinan Guru Terhadap Penambahbaikan Budaya Sekolah 185

5.3.3.1 Komponen Kepimpinan Guru yang Menyumbang kepada Penambahbaikan Budaya Sekolah 186


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


5.4 Implikasi Kajian 188

5.4.1 Implikasi Teoritikal 189

5.4.2 Implikasi Praktikal 191

5.4.3 Sumbangan Kajian Terhadap Teori 193

5.5 Cadangan 196

5.5.1 Cadangan Kepada Guru 196

5.5.2 Cadangan Kepada Sekolah 197

5.5.3 Cadangan Kepada PPD/JPN/KPM 197

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan 198

5.7 Kesimpulan 200


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**RUJUKAN** 201

**LAMPIRAN** 217

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI JADUAL


| No. Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Pembinaan Kerangka Konseptual berdasarkan Teori / Model berkaitan | 17 |
| 2.1 | Konsep Kepimpinan Guru | 33 |
| 2.2 | Jadual Matriks Antara Pengkaji-pengkaji | 47 |
| 2.3 | Jadual Matriks antara Pengkaji-pengkaji | 69 |
| 3.1 | Bilangan guru di setiap negeri di Malaysia (KPM,2016) | 95 |
| 3.2 | Bilangan Guru Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan di setiap Pejabat Pendidikan Daerah di Selangor (JPN Selangor, 2016) | 96 |
| 3.3 | Parameter sampel kajian | 99 |
| 3.4 | Persampelan sistematik dalam pemilihan sekolah | 100 |
| 3.5 | Skala Likert 5 Mata untuk konstruk Kepimpinan Guru dan Penambahbaikan Budaya Sekolah | 106 |
| 3.6 | Penskoran I-CVI Berdasarkan Penilaian Pakar Terhadap Kepimpinan Guru dan Penambahbaikan Budaya Sekolah | 110 |
| 3.7 | Skema Kebolehpercayaan dan Pengguguran Item Kajian Rintis | 115 |
| 3.8 | Pengguguran Item Selepas Kajian Rintis (Kebolehpercayaan Cronbach Alpha) | 116 |
| 3.9 | Goodness-of-Fit Model dengan Menggunakan Indeks Fit untuk Analisis Faktor Eksploratori (EFA) | 118 |
| 3.10 | Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item KMO dan Bartlett's Test Terhadap Pemboleh Ubah Kepimpinan Guru | 119 |
| 3.11 | Nilai Keseragaman Item Kepimpinan Guru | 120 |
| 3.12 | Jumlah Varian yang Diterangkan untuk Pemboleh Ubah Kepimpinan Guru | 123 |
| 3.13 | Pemboleh Ubah Kepimpinan Guru Kaedah Eksploratori Putaran Varimax | 125 |
| 3.14 | Pengguguran Item Selepas Putaran Varimax dalam Pemboleh Ubah Kepimpinan Guru | 126 |
| 3.15 | Interpretasi Skor Min bagi Tahap Kepimpinan Guru dan Penambahbaikan Budaya Sekolah | 129 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| 3.16 | Objektif Kajian serta Analisis yang Digunakan | 131 |
| 4.1 | Profil Responden Kajian | 137 |
| 4.2 | Julat Skor Min | 139 |
| 4.3 | Tahap Kepimpinan Guru | 140 |
| 4.4 | Skor Min, Frekuensi, dan Peratusan bagi Komponen – Komponen dalam Kepimpinan Guru | 141 |
| 4.5 | Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Item dalam Komponen Pengajaran dan Pembelajaran | 142 |
| 4.6 | Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Item dalam Komponen Kemahiran Kepimpinan | 143 |
| 4.7 | Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Item dalam Komponen Membangunkan Organisasi | 144 |
| 4.8 | Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Item dalam Komponen Budaya Kerjasama | 145 |
| 4.9 | Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Item dalam Komponen Hubungan dan Kerjasama dengan Komuniti | 147 |
| 4.10 | Tahap dalam Elemen Penambahbaikan Budaya Sekolah | 148 |
| 4.11 | Skor Min, Frekuensi, dan Peratusan bagi Komponen – Komponen dalam Penambahbaikan Budaya Sekolah | 149 |
| 4.12 | Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Item dalam Komponen Kolaborasi Profesional | 150 |
| 4.13 | Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Item dalam Komponen Hubungan dengan Rakan Sejawat | 151 |
| 4.14 | Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Item dalam Komponen Efikasi Diri | 152 |
| 4.15 | Min, Sisihan Piawai Kecerunan dan Kepencongan bagi Pemboleh Ubah Kepimpinan Guru | 154 |
| 4.16 | Analisis Korelasi 'Pearson Product Moment' bagi Pemboleh Ubah Bebas Kepimpinan Guru terhadap Penambahbaikan Budaya Sekolah | 156 |
| 4.17 | Nilai faktor inflasi varian dan nilai tolerance bagi setiap komponen dalam pemboleh ubah kepimpinan guru | 157 |
| 4.18 | Analisis Regresi Pelbagai (Enter) bagi Pemboleh Ubah Bebas Kepimpinan Guru yang Mempengaruhi Penambahbaikan Budaya Sekolah | 158 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



| | | |
|---|---|---|
| 4.19 | Analisis Regresi Pelbagai (Enter) bagi Komponen dalam Pemboleh Ubah Bebas Kepimpinan Guru yang Mempengaruhi Penambahbaikan Budaya Sekolah | 160 |
| 4.20 | Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis | 161 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## SENARAI RAJAH


| No. Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Kerangka Konseptual Kajian | 16 |
| 2.1 | Model Kepimpinan Guru (Danielson, 2006) | 39 |
| 2.2 | Model Sfera Kepimpinan Guru untuk Pembelajaran (Fairman dan Mackenzie, 2014) | 45 |
| 2.3 | Model Penambahbaikan Budaya Sekolah (Cavanaugh dan Dellar, 1998) | 64 |
| 3.1 | Populasi dan Sampel Guru yang Digunakan dalam Kajian | 98 |
| 3.2 | Carta Aliran Prosedur Kajian | 107 |
| 4.1 | Plot Kumulatif Kebarangkalian bagi Residual Piawai Kepimpinan Guru | 154 |
| 4.2 | Plot Sebaran bagi Skor yang Diramalkan dengan Residual Piawai | 155 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| AK | Kemahiran Kepimpinan |
| AKEPT | Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi |
| BK | Budaya Kerjasama |
| CPD | Program Pembangunan Profesional Berterusan |
| EFA | Analisis Faktor Eksploratori |
| EPRD | Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan |
| GPN | Gred Purata Nasional |
| HK | Kerjasama dengan Komuniti dan Pihak Luar |
| I-CVI | *The Content Validity Index for Item* |
| JPN | Jabatan Pendidikan Negeri |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KP | Kolaborasi Profesional |
| LDP | Latihan Dalam Perkhidmatan |
| NRGS | *Niche Research Grant Scheme* |
| OP | Pembangunan Organisasi |
| PDP | Pengajaran dan Pembelajaran |
| PP | Penambahbaikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran |
| PPD | Pejabat Pendidikan Daerah |
| PPP | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan |
| PPPM | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia |
| SCTS | *School Culture Triage Survey* |
| SEM | *Structural Equation Modeling* |
| SGM | Standard Guru Malaysia |
| SPSS | *Statistical Packages For The Social Science* |
| TLSS | *Teacher Leadership School Survey* |
| TP | Teladan yang Terbaik dan Pemimpin yang Dirujuk |
| UPSR | Ujian Penilaian Sekolah Rendah |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## SENARAI LAMPIRAN


| | | |
|---|---|---|
| A | Instrumen  Asal | 201 |
| B | Instrumen Kajian | 216 |
| C | Borang dan Surat Kesahan Pakar | 228 |
| D | Surat-surat Kebenaran | 257 |
| E | Senarai Penerbitan dan Seminar | 275 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 1

# PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.1 Pengenalan

Kepimpinan guru dan penambahbaikan budaya sekolah merupakan tulang belakang bagi kejayaan bagi sesebuah sekolah. Sekolah yang berjaya mempunyai pemimpin sekolah yang kompeten berbanding dengan sekolah yang tidak berjaya kerana tidak mempunyai pemimpin yang kompeten (Huber, 2004). Justeru, sekolah yang berbudaya positif sudah tentu didasari kepimpinan guru yang berwibawa (Yaakob & Yahya, 2012). Dalam usaha untuk meningkatkan kecemerlangan dalam pendidikan, guru itu sendiri perlu menonjolkan diri dari segi kepimpinan. Menurut Barth (2002), guru adalah pemimpin yang berperanan sebagai agen perubahan. Di era globalisasi ini, guru perlulah sentiasa menggerakkan diri seiring dengan perubahan dalam sistem pendidikan negara. Seseorang guru perlulah meningkatkan pencapaian murid,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membina efikasi kendiri serta meningkatkan pengalaman dalam pengajaran untuk pembangunan kurikulum (Sawchuck, 2011).

Guru perlu faham bahawa kepimpinan tidak hanya terletak di bahu pentadbir sekolah sahaja. Kepimpinan tidak hanya merujuk kepada para guru yang memegang sesuatu jawatan di sekolah. Malahan, guru mungkin tidak sedar saat seseorang guru itu melangkah ke sekolah, maka, kepimpinan guru itu akan menonjol sendiri. Guru-guru yang menunjukkan keyakinan  diri dapat meningkatkan amalan pengajaran (Ware & Kitsantas, 2007). Justeru itu, adalah sangat penting untuk para guru memahami kepimpinan guru. Hakikatnya, amalan kepimpinan dapat meningkatkan kualiti pembelajaran murid (Siti Aida, 2011). Hasil kajian oleh Azhar, Ramli, Zaidatol, dan Soaib (2016) berkaitan penambahbaikan sekolah mendapati kepemimpinan adalah faktor utama untuk sekolah meningkat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepimpinan guru dapat membentuk budaya sekolah yang cemerlang. Berdasarkan kajian Roby (2011) yang menunjukkan bahawa guru sebagai pemimpin tidak rasmi di sekolah mempunyai potensi untuk mempengaruhi budaya sekolah dan usaha ini akan seterusnya dapat mempengaruhi budaya pembelajaran berterusan untuk pelajar.  Sekolah yang mempunyai budaya belajar yang berkesan mempunyai guru-guru yang sentiasa mengeratkan kerjasama, memiliki perkongsian matlamat yang jelas, melibatkan diri secara aktif, bersedia membantu meningkatkan pelajaran pelajar (Wan Hanum Suraya, 2015). Selain itu, sekolah yang bercirikan budaya kolaboratif dan responsif kepada perubahan merupakan organisasi yang sihat (Abdul Ghani & Tang, 2006). Justeru, kajian berkaitan penambahbaikan budaya sekolah adalah sesuai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dilaksanakan bagi melihat kepimpinan guru yang dapat mempengaruhi penambahbaikan budaya sekolah yang positif.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Sistem pendidikan di Malaysia kini telah mengorak langkah untuk mencapai kualiti pendidikan yang tinggi di mata dunia. Ini bertepatan dengan penggubalan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM). Bagi membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia dan melahirkan insan yang berkualiti, hasrat murni ini tidak harus dipandang sepi oleh semua warga dan masyarakat (KPM,2012). Antara matlamat PPPM dalam mentransformasikan sistem pendidikan adalah meningkatkan profesionalisme dan kualiti guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi merealisasikan aspirasi ini, bekas Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Dato’ Muhyiddin bin Hj Mohd Yassin menyatakan dalam teks ucapan sempena sambutan Hari Guru 2014:

> Tugas dan tanggungjawab besar yang terletak di bahu para guru menuntut komitmen yang tinggi khususnya dalam menghadapi persaingan global yang menuntut perubahan dinamik dalam sistem pendidikan. Guru juga perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sentiasa menambah nilai intelektualnya kerana guru merupakan agen perubahan dalam menghasilkan modal insan yang diperlukan oleh negara.

Ini jelas menunjukkan nilai intelektual guru yang turut meliputi kepimpinan guru secara amnya dalam merealisasikan matlamat PPPM dalam Anjakan Keempat iaitu mentransformasikan profesion keguruan menjadi profesion pilihan. Guru merupakan agen perubahan di mana guru perlu memainkan peranan di sekolah bagi merealisasikan matlamat sekolah. Guru bukan sahaja perlu memainkan peranan di dalam bilik darjah malah di luar bilik darjah sama ada dengan rakan sejawat, dengan pihak pentadbir mahupun dengan ibu bapa. Peranan yang ditunjukkan oleh guru merupakan aspek kepimpinan yang perlu ditonjolkan bagi membantu membangunkan organisasi sekolah. Menurut Harris dan Muijs (2003), kepimpinan guru memberikan kesan positif terhadap pembangunan organisasi sekolah.

Dalam Anjakan Keempat PPPM, pelaksanaan program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) sejak tahun 2013 membantu guru untuk meningkatkan kemahiran mereka selaras dengan kecekapan para guru pada masa kini. Program ini dilaksanakan oleh pihak IPG kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP). Antara matlamat utama CPD adalah meningkatkan kualiti guru dan kepimpinan serta pengurusan pendidikan secara berterusan. CPD adalah usaha bersepadu bagi memastikan PPP melengkapkan diri atau dilengkapkan dengan pengetahuan profesional, kemahiran profesional dan nilai serta amalan profesional keguruan melalui program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang terancang berteraskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pembangunan kompetensi, pembelajaran berterusan dan laluan kerjaya (IPG Kampus Ilmu Khas, 2014). Di sini jelas menunjukkan CPD melalui program LDP yang dilaksanakan mampu menerap ciri-ciri kepimpinan guru di sekolah kerana guru dilatih dan didedahkan dengan pelbagai pembaharuan dalam pendidikan yang perlu dilaksanakan di sekolah. Secara tidak langsung, kepimpinan guru akan terserlah apabila guru yang telah menjalani program LDP itu melaksanakan pengetahuan baru di sekolah. Namun, kefahaman tentang kepimpinan guru tidak dijelaskan secara mendalam dalam program tersebut.

Kepimpinan guru dikukuhkan lagi dengan adanya dokumen Standard Guru Malaysia (SGM). SGM menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru, dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Dokumen ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi latihan perguruan dalam usaha untuk melahirkan dan melestarikan guru berkualiti. Dokumen ini akan disemak semula secara berkala bagi tujuan penambahbaikan berterusan (Standard Guru Malaysia, 2009). Namun, tiga komponen utama dalam SGM meliputi pengetahuan, kemahiran dan nilai tidak diterangkan secara jelas mengenai atribut kepimpinan guru walaupun pada dasarnya SGM digubal untuk mengenal pasti tahap kompetensi guru melalui tiga komponen tersebut. Maka, kajian berkaitan kepimpinan guru perlu dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian berkaitan kepimpinan guru perlu dijalankan bagi melihat kepimpinan guru yang tidak hanya terhad dalam bilik darjah. Kepimpinan guru juga boleh dilihat melalui kepimpinan guru dengan rakan sejawat, kepimpinan guru dalam organisasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sekolah, kepimpinan guru dalam budaya kerjasama, kepimpinan guru melalui hubungan dengan komuniti serta kepimpinan guru dengan menjadi pemimpin yang dirujuk. Kajian oleh Danielson (2006) mendapati bahawa kepimpinan guru berlaku di semua peringkat termasuklah dalam bilik darjah. Oleh itu, kajian berkaitan kepimpinan guru wajar dilakukan.

Budaya sekolah yang berbeza mempengaruhi prestasi sesebuah sekolah dari segi pencapaian akademik murid dan kepimpinan guru (Wan Hanum Suraya, 2015). Budaya sekolah yang positif akan menghasilkan kesan yang positif kepada pencapaian sekolah (Yaakob & Yahya, 2012). Berdasarkan kajian tersebut, budaya sekolah dipengaruhi oleh pencapaian murid, prestasi sekolah, dan kepimpinan guru. Apabila kepimpinan guru itu menonjol, maka, prestasi pelajar dalam akademik dapat ditingkatkan. Selain itu, Schein (2004) turut menjelaskan pembentukan budaya sekolah merupakan perkara utama yang perlukan dilakukan oleh guru sebagai pemimpin di sekolah. Sufean (2014) menyokong kenyataan Schein (2004) dalam kajiannya berkaitan budaya sekolah iaitu guru yang mengamalkan kepimpinan di sekolah menunjukkan faktor yang kuat dalam membentuk budaya sekolah yang positif.  Hasilnya, budaya sekolah yang positif dapat diwujudkan. Namun, untuk mengenal pasti kepimpinan guru yang mempengaruhi penambahbaikan budaya sekolah memerlukan kajian yang lebih mendalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.3 Penyataan Masalah

Kepimpinan di peringkat sekolah sering dikaitkan dengan pengetua, guru besar, kuasa, autoriti dan kawalan (Muhammad Faisal, Norfariza, Shahril @ Charil, & Faisol, 2011). Sedangkan guru juga memainkan peranan penting dalam kepimpinan guru di sekolah. Kebanyakan guru yang mengamalkan peranan kepimpinan guru tidak melihat diri mereka sebagai pemimpin kerana beranggapan bahawa istilah kepimpinan guru adalah untuk guru yang mempunyai tugas formal yang berjawatan seperti pengetua dan guru besar (Angelle & DeHart, 2011). Menurut Katzenmeyer dan Moller (2001), guru hanya memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran berbanding dengan pengurusan sekolah. Walhal, kepelbagaian peranan guru di sekolah sebenarnya merupakan kepimpinan guru (Noriati, Boon, & Wong, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di Malaysia, perlu ada kajian yang mengupas dengan lebih mendalam tentang kepimpinan guru. Pada hari ini, kepimpinan guru adalah sangat penting kerana guru dilihat bukan sahaja perlu ada kepimpinan dalam bilik darjah tetapi juga dalam sekolah dan di luar bagi meningkatkan pencapaian sekolah dan pembelajaran pelajar (Katzenmeyer & Moller, 2001; York-Barr & Duke, 2004; Danielson, 2006). Kepimpinan guru pada masa kini memerlukan guru menjadi agen perubahan dalam melaksanakan transformasi sekolah menuju ke arah sekolah abad ke-21. Tambahan, kajian tentang kepimpinan guru dalam konteks di Malaysia perlu dijalankan untuk mengenal pasti amalan kepimpinan guru di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain itu, sistem pendidikan Malaysia sedang mengalami anjakan perubahan. Bagi menyediakan modal insan pada masa akan datang, PPPM 2013 – 2025 telah mencadangkan tujuh strategi bagi mentransformasikan sistem pendidikan negara yang dapat meningkatkan pencapaian pelajar serta menghasilkan guru yang berkualiti. Kepimpinan guru berkait rapat dengan kejayaan sesebuah sekolah (Katzenmeyer & Moller, 2001; Wayne & Youngs, 2003; Harris & Muijs, 2003; Crowther, Margaret, & Leonne, 2009). Berdasarkan kenyataan tersebut, kepimpinan guru perlu dilihat sebagai salah satu strategi yang dapat melahirkan guru yang berkualiti serta meningkatkan pencapaian pelajar secara holistik.

Kepimpinan guru dan budaya sekolah merupakan dua elemen yang penting dalam kejayaan sesebuah sekolah (Kabler, 2013). Terdapat kajian di luar negara yang menyokong kepentingan kepimpinan guru dan penambahbaikan budaya sekolah, tetapi hubungan di antara kedua-dua elemen itu tidak dikupas dengan sedalamnya (Danielson, 2007; Adeogun & Olisaemeka, 2011; Sawchuck, 2011). Pengkaji memberi fokus kepada kajian tentang hubungan budaya sekolah dan pencapaian murid (Adeogun & Olisaemeka, 2011). Selain itu, terdapat kajian yang memberi fokus tentang hubungan antara budaya sekolah dengan pencapaian pelajar (Schmerler, Mhatre, Stacy, Patrizio, Winkler, & Groves, 2009; Sawchuck, 2011). Di Malaysia, kajian berkaitan kepimpinan guru memberi fokus kepada kepimpinan pentadbir (Habib & Zaimah, 2012; Mohd Ibrahim, Mohammed Sani & Mustapa, 2015; Rosnarizah & Hussein 2015). Kajian yang memberi fokus kepada kepimpinan guru biasa adalah terhad (Rahmad Sukor & Shahrir, 2005; Muhammad Faisal et al., 2011; Siti Aida, 2011). Berdasarkan pembacaan pengkaji, kajian berkaitan pengaruh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi